

27/01/1997

Mufti perlu keluar fatwa rasmi hukum merokok

KUALA LUMPUR, Ahad - Semua mufti perlu mengeluarkan fatwa rasmi mengenai hukum menghisap rokok di negeri masing-masing untuk menyeragamkan fatwa yang dikeluarkan oleh Selangor dan Kedah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata kuasa mengeluarkan fatwa itu adalah di bawah mufti negeri, manakala Majlis Fatwa Kebangsaan hanya bertindak menyelaras fatwa.

"Kita sudah membuat keputusan mengenai hukum menghisap rokok kerana ia tidak bermanfaat dan membahayakan kesihatan. Namun, hanya Kedah dan Selangor mengeluarkan fatwa mengenainya," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pengarah Pengembangan Lembaga Tembakau Negara, Mohamed Abbas yang meminta ulama mengkaji semula mengenai hukum rokok berikutan percanggahan fatwa mengenainya menimbulkan kegelisahan masyarakat dan penanam tembakau.

Pada Disember 1995, Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Selangor mewartakan merokok adalah haram dan keputusan itu mengikut Subseksyen 31 (1) dan Seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada tahun 1995 dipetik sebagai berkata, kerajaan sukar mengharamkan rokok kerana tidak ada keseragaman keputusan ulama di dalam atau negara Islam lain di seluruh dunia.

(END)